

**NO. DOKUMEN¹ : BKPS-AK02
PEMERIKSAAN, DIAGNOSIS DAN RAWATAN**

KELUARAN : 5.7

TARIKH KUATKUASA: 01.10.2024

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
	PEMERIKSAAN DAN DIAGNOSA
PP/ JP/ PPP/ PPK	1. Pastikan pesakit duduk di atas kerusi pergigian dengan selamat dan selesa.
PP/ JP/ PPP/ PPK	2. Buat pengesahan pesakit. Semak butiran pesakit selaras dengan butiran pada kad rawatan / Sistem TPC-OHCIS (<i>implied consent</i>).
PP/ JP/ PPP/ PPK	3. Rekod/ kemaskini sejarah perubatan (terutamanya penyakit darah tinggi, kencing manis, asma, alahan, penyakit kelainan darah dan lain-lain) serta sejarah pergigian pesakit di kad rawatan.
PP	4. Ambil bacaan tekanan darah bagi pesakit berumur 18 tahundan ke atas. Rujuk SOP Pengambilan Tekanan Darah Pesakit di Klinik Pergigian. <ul style="list-style-type: none"> ▪ Sekiranya keadaan perubatan pesakit tidak mengizinkan rawatan pergigian boleh ditangguhkan/ rujuk jika perlu.
PP/ JP	5. Kenalpasti dan rekod masalah pergigian pesakit.
PP/ JP/ PPP/ PPK	6. Periksa dan rekod/ kemaskini penemuan pemeriksaan klinikal <i>extraoral</i> dan <i>intraoral</i> pesakit dan catatkan di dalam jadual pencartaan gigi. Periksa dan rekod <i>Basic Periodontal Examination</i> (BPE) bagi pesakit berumur 18 tahun dan keatas bagi kes baru tahun semasa.
PP/ JP/ PPP/ PPK	7. Lakukan siasatan (seperti radiograf, ujian kevitatan pulpa)mengikut keperluan. Beri penerangan dengan kehadiran saksi (<i>verbal consent</i>) dan rekod nama saksi dan diagnosa dalam kad rawatan/ Sistem TPC-OHCIS.
PP/ JP	8. Buat perancangan rawatan selepas berbincang dengan pesakit. Maklumkan juga anggaran kos rawatan jika berkaitan.
PP/ JP/ PPP/ PPK	9. Dapatkan pengesahan dan tandatangan pesakit/ penjaga dan saksi dalam kad/ borang kebenaran rawatan Sistem TPC-OHCIS (<i>Informed written consent</i>).
PP/ JP/ PPP/ PPK	10. Dokumentasikan dan perbaharui kebenaran rawatan dalam kad rawatan LP 8/ borang kebenaran rawatan Sistem TPC-OHCIS jika terdapat perubahan dalam pencartaan gigi, rawatan atau pesakit tidak bersetuju dengan rancangan rawatan awal atau memilih rawatan yang lain (pesakit ulangan).
PP/ JP	11. Sekiranya tiada kebenaran, <u>hanya pemeriksaan</u> sahaja boleh

NO. DOKUMEN² : BKPS-AK02
PEMERIKSAAN, DIAGNOSIS DAN RAWATAN

KELUARAN : 5.7

TARIKH KUATKUASA: 01.10.2024

PP/ JP	dijalankan. Rawatan tidak dibenarkan kecuali dalam keadaan kecemasan sahaja.
PP/ JP/ PPP/ PPK	12. Laksanakan rawatan/ tindakan susulan yang dipersetuju.
PP/ JP	13. Pastikan Langkah Kawalan Jangkitan Silang dipatuhi mengikut <i>Guidelines of Infection Control in Dental Practice</i> yang terkini. Rujuk BKPS-BK28 Borang Pemantauan Kawalan Jangkitan Silang.
PP/ JP/ PPP/ PPK	14. Beri pesakit janji temu untuk rawatan selanjutnya atau rujuk kepada pegawai pergigian/ pakar jika perlu.
PP/ JP/ PPP/ PPK	15. Pastikan pesakit turun dari kerusi pergigian dengan selamat.
PP/ JP/ PPP/ PPK	16. Pastikan maklumat kad rawatan/ Sistem TPC-OHCIS (Bahagian A-F) dilengkapkan pada <i>hari yang sama</i> rawatan diberi. Rekod siasatan/ rawatan yang telah dijalankan dengan lengkap di kad rawatan/ Sistem TPC-OHCIS.
PP/ JP	17. Tandatangan kad rawatan/ Sistem TPC-OHCIS dan cop/ tulis nama PegawaiPergigian/ Juruterapi Pergigian yang berkenaan.
	PENSKALERAN
PP/ JP/ PPP/ PPK	1. Pastikan pesakit duduk di atas kerusi pergigian dengan selamat dan selesa.
PP/ JP/ PPP/ PPK	2. Buat pengesahan pesakit. Semak butiran pesakit, sahkan sejarah perubatan dan pastikan kebenaran rawatan telah diperolehi. Sekiranya perlu, rujuk pesakit ke Klinik Kesihatan atau untuk ujian perubatan (seperti pemeriksaan glukosa, tekanan darah dan lain-lain). Terangkan kepada pesakit mengenai prosedur penskaleraan.
PPP/ PPK	3. Sediakan peralatan untuk rawatan penskaleraan.
PP/ JP	4. Jalankan prosedur penskaleraan dan lakukan profilaksis jika perlu.
PP/ JP	5. Berikan nasihat selepas penskaleraan.
PP	6. Beri ubat atau preskripsi ubatan jika perlu.
PP/ JP	7. Beri temujanji susulan jika perlu.
PP/ JP/ PPP/ PPK	8. Pastikan pesakit turun dari kerusi pergigian dengan selamat.
PP/ JP	9. Pesakit diminta mengambil tindakan berikut jika terdapat

**NO. DOKUMEN³ : BKPS-AK02
PEMERIKSAAN, DIAGNOSIS DAN RAWATAN**

KELUARAN : 5.7

TARIKH KUATKUASA: 01.10.2024

PP/ JP	<p>masalah (seperti perdarahan berlanjutan) :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. hubungi / datang semula ke Klinik Pergigian semasa waktu pejabat ii. pergi ke fasiliti kesihatan yang berdekatan sekiranya berlaku kecemasan di luar waktu pejabat. <p>10. Rekod rawatan yang telah dijalankan dengan lengkap di dalam LP8.</p>
PP/ JP/ PPP/ PPK	<p>TAMPALAN</p> <p>1. Pastikan pesakit duduk di atas kerusi pergigian dengan selamat dan selesa.</p>
PP/ JP/ PPP/ PPK	<p>2. Buat pengesahan pesakit. Semak butiran pesakit, sahkansejarah perubatan dan pastikan kebenaran rawatan telahdiperolehi .</p>
PP/ JP	<p>3. Kenalpasti gigi yang perlu ditampal dan bahan tampalan yang akan digunakan. Beri penerangan dan anggaran kos rawatan jika berkaitan.</p>
PPP/ PPK	<p>4. Sediakan peralatan dan bahan-bahan yang akan digunakan.</p>
PP/ JP	<p>5. Jalankan rawatan mengikut jenis bahan tampalan yang digunakan (rujuk para A atau B).</p>
PP/ JP	<p>6. Jika terdapat sebarang komplikasi maklumkan kepada pesakit dan ambil tindakan sewajarnya.</p>
PP/ JP	<p>A. Tampalan Sewarna Gigi:</p> <p>a. Pilih warna bahan tampalan.</p>
PP/ JP	<p>b. Lakukan rawatan tampalan sewarna mengikut manual jenis bahan yang akan digunakan (<i>light cure, etching, bonding</i> dan lain-lain).</p>
PP/ JP	<p>c. Guna selulos matriks jika perlu.</p>
PP/ JP	<p>d. Rapikan tampalan mengikut kontur gigi.</p>
PP/ JP	<p>e. Periksa gigitan, pinggir dan <i>contact point</i>.</p>

**NO. DOKUMEN⁴ : BKPS-AK02
PEMERIKSAAN, DIAGNOSIS DAN RAWATAN**

KELUARAN : 5.7

TARIKH KUATKUASA: 01.10.2024

<p>PP/JP</p> <p>PP/JP</p> <p>PP/JP</p> <p>PP/JP</p> <p>PP/JP</p> <p>PP/ JP/ PPP/ PPK</p> <p>PP/JP</p> <p>PP/JP</p>	<p>B. Tampilan Amalgam</p> <p>a. Guna gegelang matriks (jika perlu).</p> <p>b. Lakukan rawatan tampilan amalgam.</p> <p>c. Rapikan tampilan.</p> <p>d. Periksa gigitan , pinggir dan <i>contact point</i>.</p> <p>e. Beri nasihat selepas tampilan.</p> <p>7. Pastikan pesakit turun dari kerusi pergigian dengan selamat.</p> <p>8. Pesakit diminta mengambil tindakan berikut jika terdapat masalah :</p> <p>i. hubungi/ datang semula ke Klinik Pergigian semasa waktu pejabat</p> <p>ii. pergi ke fasiliti kesihatan yang berdekatan sekiranya berlaku kecemasan di luar waktu pejabat</p> <p>10. Rekod rawatan yang telah dijalankan serta butiran pembayaran dengan lengkap di dalam LP8/ Sistem TPC-OHCIS.</p>
<p>PP/ JP/ PPP/ PPK</p> <p>PP/ JP/ PPP/ PPK</p> <p>PP/ JP</p> <p>PP/ JP</p> <p>PP</p>	<p>CABUTAN</p> <p>1. Pastikan pesakit duduk di atas kerusi pergigian dengan selamat dan selesa.</p> <p>2. Buat pengesahan pesakit. Semak butiran pesakit, sahkan sejarah perubatan dan pastikan kebenaran rawatan telah diperolehi. Sekiranya perlu, rujuk pesakit ke Klinik Kesihatan untuk ujian perubatan (seperti pemeriksaan glukosa, tekanan darah dan lain-lain). Pastikan keputusan ujian dikepilkan/ direkodkan di kad LP8.</p> <p>3. Pastikan pesakit telah makan sebelum prosedur. Maklumkan kos rawatan, jika perlu.</p> <p>4. Pastikan gigi yang perlu dicabut dengan merujuk kepada surat rujukan (jika ada) serta pengesahan dengan pesakit. Jika perlu, guna cermin muka bagi membantu pesakit mengenalpasti gigi yang hendak dicabut. Catat pada kad rawatan.</p> <p>5. Bagi kes cabutan ortodontik di fasiliti KKM, rawatan tersebut akan dilaksanakan oleh pegawai pergigian Unit Ortodontik. Rujuk KKM 600-33/2/4 jilid 2(29)</p>

NO. DOKUMEN : BKPS-AK02
PEMERIKSAAN, DIAGNOSIS DAN RAWATAN

KELUARAN : 5.7	TARIKH KUATKUASA: 01.10.2024
PP/ JP	6. Beri penerangan jelas kepada pesakit berkaitan prosedur cabutan. Maklumkan kepada pesakit risiko dan komplikasi yang mungkin berlaku.
PP/ JP	7. Rujuk kepada Pegawai Pergigian/ Pakar Pergigian bagi kes-kes kompleks (berdasarkan penilaian klinikal operator). Sediakan peralatan dan bahan-bahan yang akan digunakan.
PP/ JP/ PPP/ PPK	8. Beri bius setempat (secara topikal atau/dan suntikan) bagi gigi yang perlu dicabut berdasarkan penilaian klinikal (pastikan cermin pergigian digunakan dan elakkan penggunaan ibu jari tangan semasa suntikan diberikan).
PP/ JP	9. Berikan nasihat selepas suntikan (Contoh: jangan menggigit bibir selepas suntikan diberikan).
PP/ JP	10. Perhatikan pesakit untuk komplikasi semasa dan selepas suntikan (pitam, reaksi alahan dll). Jika ada, jalankan langkah kecemasan dan/ atau rujuk kepada pegawai pergigian/ perubatan. Tangguh cabutan sekiranya perlu.
PP/ JP	11. Pastikan gigi untuk cabutan mencapai tahap bius/ anestesia yang memuaskan. Jika tidak, ambil tindakan sewajarnya berdasarkan penilaian klinikal dan maklumkan kepada pesakit.
PP/ JP	12. Pastikan sekali lagi yang perlu dicabut dengan merujuk kepada pesakit (jika perlu, guna cermin muka) dan semak semula catatan di kad LP8/ Sistem TPC-OHCIS.
PP/ JP	13. Cabut gigi yang telah dikenalpasti. Periksa soket gigi.
PP	14. Sekiranya berlaku komplikasi (seperti gigi patah, <i>oroantrum communication</i> dll), maklumkan kepada pesakit sebelum tindakan seterusnya. Jika perlu cabutan surgikal, rujuk Prosedur Pembedahan Kecil Mulut.
PP/ JP	15. Letakkan <i>gauze</i> di tempat cabutan dan pastikan perdarahan selepas cabutan adalah terkawal (hemostasis).
PP/ JP/ PPP/ PPK	16. Berikan nasihat selepas cabutan.
PP	17. Beri ubat atau preskripsi ubatan jika perlu.
PP/ JP	18. Pastikan pesakit turun dari kerusi pergigian dengan selamat.

NO. DOKUMEN : BKPS-AK02
PEMERIKSAAN, DIAGNOSIS DAN RAWATAN

KELUARAN : 5.7

TARIKH KUATKUASA: 01.10.2024

PP/ JP	<p>19. Pesakit diminta mengambil tindakan berikut jika terdapat masalah :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. hubungi/ datang semula ke Klinik Pergigian semasa waktu pejabat ii. pergi ke fasiliti kesihatan yang berdekatan sekiranya berlaku kecemasan di luar waktu pejabat
PP/ JP	<p>19. Rekod rawatan yang telah diberikan dengan lengkap di kad LP8/ Sistem TPC-OHCIS.</p> <p style="text-align: center;">PEMBEDAHAN KECIL MULUT (<i>MINOR ORAL SURGERY</i>)</p>
PP/ PPP	<p>1. Pastikan pesakit duduk di atas kerusi pergigian dengan selamat dan selesa.</p>
PP/ PPP	<p>2. Buat pengesahan pesakit. Semak butiran pesakit, sahkan sejarah perubatan dan pastikan kebenaran rawatan telah diperolehi.</p>
PP	<p>3. Pastikan pesakit telah makan sebelum prosedur. Maklumkan kos rawatan yang berkaitan.</p>
PP	<p>4. Periksa pesakit, semak rekod dan radiograf. Jika perlu, lakukan siasatan tambahan (seperti pemeriksaan glukosa, tekanan darah atau ujian darah dan lain-lain) sebelum memulakan prosedur. Pastikan keputusan ujian perubatan dikepilkan/ direkodkan di kad LP8/ Sistem TPC-OHCIS. Pastikan pesakit mematuhi pengambilan ubat/ pemberhentian atas nasihat pegawai pergigian/ perubatan.</p>
PP	<p>5. Terangkan kepada pesakit mengenai prosedur pembedahan, risiko dan komplikasi yang mungkin berlaku.</p>
PP	<p>6. Dapatkan keizinan bertulis.</p>
PPP	<p>7. Sediakan peralatan pembedahan pergigian yang berkaitan.</p>
PP/ PPP	<p>8. Pastikan pesakit selesa di atas kerusi pergigian dan pakaikan bib/ kain linen steril.</p>
PP	<p>9. Beri suntikan bius setempat (pastikan cermin pergigian digunakan dan elakkan penggunaan ibu jari tangan semasa suntikan diberikan).</p>
PP	<p>10. Perhatikan pesakit jika berlaku komplikasi semasa dan selepas suntikan (pitam, reaksi alahan dan lain-lain). Jika ada, jalankan</p>

**NO. DOKUMEN⁷ : BKPS-AK02
PEMERIKSAAN, DIAGNOSIS DAN RAWATAN**

KELUARAN : 5.7

TARIKH KUATKUASA: 01.10.2024

PP	<p>langkah kecemasan dan/ atau rujuk kepada Pegawai Pergigian/ Perubatan. Tangguh pembedahan sekiranya perlu.</p> <p>Pastikan gigi dan kawasan setempat mencapai tahap bius/ anestesia yang memuaskan. Jika tidak, ambil tindakan sewajarnya berdasarkan penilaian klinikal dan maklumkan kepada pesakit.</p>
PP	12. Jalankan prosedur pembedahan kecil.
PP	13. Bagi <i>biopsy</i> , masukkan spesimen ke dalam botol spesimen yang telah dilabel dengan butiran lengkap pesakit dan hantar ke makmal <i>histopathology</i> .
PP	14. Sekiranya komplikasi berlaku, ambil tindakan sewajarnya. Maklumkan kepada pesakit tindakan yang diambil.
PP	15. Pastikan pendarahan adalah terkawal (hemostasis).
PP	16. Beri ubat atau preskripsi ubatan jika perlu.
PP	17. Beri nasihat selepas pembedahan kecil.
PP	18. Beri janji temu untuk pemeriksaan semula dan rawatan susulan. Tulis temujanji di Kad Kedatangan (LP1 pin 1/86) dan LP8/ Sistem TPC- OHCIS.
PP/ PPP	19. Pastikan pesakit turun dari kerusi pergigian dengan selamat.
PP	20. Pesakit diminta mengambil tindakan berikut jika terdapat masalah : <ul style="list-style-type: none"> i. hubungi/ datang semula ke klinik pergigian semasa waktu pejabat ii. pergi ke fasiliti kesihatan yang berdekatan sekiranya berlaku kecemasan di luar waktu pejabat
PP	21. Rekod rawatan yang telah diberikan dengan lengkap di LP8/ Sistem TPC-OHCIS.
	<p>PEMBUATAN DENTUR</p> <p>I. PERINGKAT IMPRESI PRIMER</p> <p>a) Prosedur Klinikal</p>
PP/ PPP	<p>1. Pastikan pesakit duduk di atas kerusi pergigian dengan selamat dan selesa.</p> <p>2. Buat pengesahan pesakit. Semak butiran pesakit, sahkan</p>

**NO. DOKUMEN : BKPS-AK02
PEMERIKSAAN, DIAGNOSIS DAN RAWATAN**

KELUARAN : 5.7

TARIKH KUATKUASA: 01.10.2024

PP/ PPP	sejarah perubatan dan pastikan kebenaran rawatan, aku janji 6 bulan serta kebenaran pelabelan gigi palsu telah diperolehi.
PP	ii. Maklum anggaran kos dentur dan cara pembayaran. Rujuk surat Bil 32. dlm KKM 203/18 – bertarikh 7 Julai 1999.
PP	3. Pastikan keadaan mulut sesuai untuk pembuatan dentur. Ambil impresi primer dan pilih warna gigi.
PP	4. Isi butiran pesakit, lakar reka bentuk prostesis dan arahan serta tarikh temujanji susulan di kad makmal LP6. Jika pesakit memberi kebenaran untuk pelabelan gigi palsu, pastikan arahan tersebut dicatatkan pada LP 6.
PPP	5. Disinfeksi impresi dan hantar impresi bersama LP6 ke makmal secepat mungkin.
PP	6. Catatkan rawatan yang telah dijalankan ke dalam Kad Rawatan LP8/ Sistem TPC-OHCIS.
PP/ PPP	7. Pastikan pesakit turun dari kerusi pergigian dengan selamat selepas rawatan tamat.
PPP	8. Tulis temujanji susulan pesakit di Kad Kedatangan (LP1 Pin 1/86) dan LP8/ Sistem TPC-OHCIS. <ul style="list-style-type: none"> • Jika tidak memerlukan impresi sekunder terus ke Peringkat Blok Gigitan • Jika tidak memerlukan impresi sekunder dan blok gigitan, terus ke Peringkat Percubaan
	b) Prosedur Makmal
JT	1. Terima impresi primer bersama Kad Makmal LP6.
JT	2. Daftar dalam Buku Daftar Kerja Harian Juruteknologi Pergigian PG 103 (Pindaan 1/13).
JT	3. Sediakan model kerja menggunakan <i>Dental Stone / Plaster of Paris</i> .
JT	4. Sediakan ceper khas / blok gigitan / susunan gigi mengikut arahan yang direkodkan dalam LP6
	II) PERINGKAT IMPRESI SEKUNDER

NO. DOKUMEN : BKPS-AK02
PEMERIKSAAN, DIAGNOSIS DAN RAWATAN

KELUARAN : 5.7

TARIKH KUATKUASA: 01.10.2024

PP/ PPP	<p>a) Prosedur Klinikal</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pastikan pesakit duduk di atas kerusi pergigian dengan selamat dan selesa. 2. Buat pengesahan pesakit. 3. Bersihkan dan disinfeksi ceper khas sebelum memulakan prosedur. 4. Pastikan padanan ceper khas memuaskan. Lakukan <i>trimming</i> dan <i>border moulding</i> jika perlu. 5. Ambil impresi sekunder. 6. Kenal pasti peringkat dentur selanjutnya pada lawatan susulan dan catat di LP6. 7. Pastikan pesakit turun dari kerusi pergigian dengan selamat. 8. Disinfeksi impresi dan hantar ke makmal bersama LP6. 9. Catatkan prosedur yang telah dilakukan ke dalam LP8/ Sistem TPC-OHCIS. Beri janji temu susulan dan catat dalam LP1, LP8/ Sistem TPC-OHCIS dan LP6.
PPP	
PP	
PP	
PP	
PP/ PPP	
PPP	
PP	
JT	
JT	<p>b) Prosedur Makmal</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Terima impresi sekunder bersama LP6. 2. Sediakan model kerja menggunakan <i>Dental Stone</i>. 3. Sediakan blok gigitan/susun gigi mengikut arahan yang direkodkan dalam LP6.
JT	
JT	
III) PERINGKAT MAXILLA – MANDIBLE RELATIONSHIP (MMR)	
PP/ PPP	<p>a) Prosedur Klinikal</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pastikan pesakit duduk di atas kerusi pergigian dengan selamat dan selesa. 2. Buat pengesahan pesakit. 3. Periksa blok gigitan. 4. Cuci bersih blok gigitan sebelum dimasukkan ke dalam mulut. 5. Rekod gigitan.
PP/ PPP	
PP	
PP	
PP	

**NO. DOKUMEN¹⁰ : BKPS-AK02
PEMERIKSAAN, DIAGNOSIS DAN RAWATAN**

KELUARAN : 5.7

TARIKH KUATKUASA: 01.10.2024

PP	6. Pastikan pesakit turun dari kerusi pergigian dengan selamat.
PP/ PPP	7. Bersih dan disinfeksi blok gigitan sebelum dihantar ke makmal bersama LP6.
PPP	Catatkan prosedur yang dijalankan ke LP8/ Sistem TPC-OHCIS. Beri tarikh temujanjisusulan dan catat dalam LP1, LP8/ Sistem TPC-OHCIS dan LP6.
PP	b) Prosedur Makmal
JT	1. Terima blok gigitan bersama LP6.
JT	2. Susun gigi untuk peringkat percubaan mengikut arahan dalam LP6.
	IV) PERINGKAT PERCUBAAN
	a) Prosedur Klinikal
PP/PPP	1. Pastikan pesakit duduk di atas kerusi pergigian dengan selamat dan selesa.
PP/ PPP	2. Buat pengesahan pesakit.
PPP	3. Cuci bersih dentur percubaan sebelum dimasukkan ke dalam mulut.
PP	4. Lakukan percubaan dentur. Gunakan cermin muka untuk mendapatkan persetujuan pesakit. Buat penambahbaikan jika perlu.
PP	5. Dapatkan persetujuan pesakit untuk melabel dentur dengan identifikasi pesakit.
PP/ PPP	6. Pastikan pesakit turun dari kerusi pergigian dengan selamat selepas rawatan tamat.
PPP	7. Bersihkan dan disinfeksi dentur percubaan dan model kerja. Hantar ke makmal bersama LP6.
PP	8. Catatkan prosedur yang dijalankan dalam LP8/ Sistem TPC-OHCIS. Beri tarikh temujanji susulan dan catat dalam LP1, LP8/ Sistem TPC- OHCIS dan LP6.
	b) Prosedur Makmal

**NO. DOKUMEN¹¹ : BKPS-AK02
PEMERIKSAAN, DIAGNOSIS DAN RAWATAN**

KELUARAN : 5.7

TARIKH KUATKUASA: 01.10.2024

JT	1. Terima dentur percubaan bersama LP6.
JT	2. Proses dentur mengikut arahan yang direkodkan dalam LP6 termasuk pelabelan dentur.
	V) PERINGKAT PENYERAHAN DENTUR (<i>ISSUE DENTUR</i>)
	a) Prosedur Klinikal
PP/ PPP	1. Pastikan pesakit duduk di atas kerusi pergigian dengan selamat dan selesa.
PP	2. Buat pengesahan pesakit.
PP/ PPP	3. Periksa keadaan dentur. Pastikan dentur sesuai untuk di isu.
PP	4. Bersihkan dentur dan buat padanan. Gunakan cermin muka untuk mendapatkan persetujuan pesakit. Jika masalah tidak dapat diatasi, bersih, disinfeksi dan kembalikan dentur ke makmal untuk dibaiki / dibuat semula.
PPP	5. Beri nasihat penggunaan serta penjagaan dentur dan higin mulut.
PP	6. Pastikan pesakit turun dari kerusi pergigian dengan selamat. Pesakit diminta menyelesaikan bayaran, jika berkenaan.
PP	7. Catatkan prosedur yang dijalankan dalam LP8/ Sistem TPC-OHCIS dan LP6.
PP/ PPP	8. Beri janji temu susulan.
PP	9. Jika terdapat masalah sebelum tarikh janji temu, pesakit dimintamengambil tindakan berikut; i. hubungi / pergi semula ke klinik tersebut semasa waktu pejabat ii. pergi ke fasiliti kesihatan yang berdekatan sekiranya di luar waktu pejabat
PP/PPP	10. Pastikan semua prosedur dan bayaran direkodkan di LP8/ Sistem TPC-OHCIS.
	11. Kemaskini tarikh penyediaan dentur di PG103.

NO. DOKUMEN¹² : BKPS-AK02
PEMERIKSAAN, DIAGNOSIS DAN RAWATAN

KELUARAN : 5.7

TARIKH KUATKUASA: 01.10.2024

PEMBAIKAN DENTUR	
PP/ PPP	<p>a. Prosedur Klinikal</p> <p>1. Pastikan pesakit duduk di atas kerusi pergigian dengan selamat dan selesa.</p>
PP	<p>2. Buat pengesahan pesakit.</p>
PP	<p>3. Tentukan aduan pesakit.</p>
PP/ PPP	<p>4. Periksa keadaan dentur dan mulut pesakit.</p>
PP	<p>5. Maklumkan kepada pesakit berkaitan kerosakan dentur.</p>
PP/ PPP	<p>1. Jika boleh dibaiki, ambil impresi (jika perlu) dan maklumkan anggaran kos pembaikan.</p>
PP	<p>ii. Jika tidak boleh dibaiki, maklum kepada pesakit.</p>
PP/ PPP	<p>iii. Sekiranya pesakit ingin membuat dentur baru, maklumkan bahawa nama pesakit didaftarkan dalam Senarai Menunggu Dentur.</p>
PP/ PPP	<p>iv. Lengkapkan kad LP6 bersama lakaran prostesis.</p>
PP/ PPP	<p>6. Cuci dan disinfeksi dentur dan impresi (jika ada). Hantar dentur, impresi dan LP6 ke makmal. Rujuk Langkah B Prosedur Makmal.</p>
PP/ PPP	<p>7. Terima dentur yang telah dibaiki dari makmal.</p>
PP	<p>8. Basuh dan disinfeksi dentur sebelum membuat padanan.</p>
PP	<p>9. Periksa padanan dentur dan oklusi yang telah dibaiki.</p>
PP	<p>10. Berikan nasihat penjagaan dentur dan mulut.</p>
PP/PPP	<p>11. Pastikan pesakit turun dari kerusi pergigian dengan selamat.</p>
PP/ PP	<p>12. Pesakit diminta mengambil tindakan berikut jika terdapat masalah :</p> <p>i. hubungi/ datang semula ke klinik pergigian semasa waktu pejabat</p> <p>ii. pergi ke fasiliti kesihatan yang berdekatan sekiranya berlaku kecemasan di luar waktu pejabat</p>
PP	<p>13. Rekod rawatan yang telah dijalankan dengan lengkap di LP8/ Sistem TPC-OHCIS.</p>
<p>b. Prosedur Makmal</p>	

NO. DOKUMEN¹³ : BKPS-AK02
PEMERIKSAAN, DIAGNOSIS DAN RAWATAN

KELUARAN : 5.7

TARIKH KUATKUASA: 01.10.2024

JT

1. Daftar dalam Buku Daftar Kerja Harian Juruteknologi Pergigian PG 103 (Pindaan 1/13).

JT

2. Jalankan pembaikan dentur mengikut arahan yang direkodkan dalam LP6

Rujuk BKPS DL59 Panduan Mengisi Kad Rawatan Pergigian LP8 2019 Secara Manual sebagai garis panduan pengisian kad rawatan di Bahagian A hingga H

NO. DOKUMEN¹⁴ : BKPS-AK02
PEMERIKSAAN, DIAGNOSIS DAN RAWATAN

KELUARAN : 5.7

TARIKH KUATKUASA: 01.10.2024